

## Pandangan Guru Tadika terhadap Aspek Kemahiran Sosial dalam Kalangan Kanak-kanak: Satu Analisis Keperluan

Mohamad Albaree Abdul<sup>1\*</sup>, Zaharah Osman<sup>2</sup>, Saedah Siraj<sup>3</sup>,  
Norhafizi Mohd Arof<sup>4</sup>, Hazhari Ismail<sup>5</sup>

<sup>12345</sup>Jabatan Pendidikan Awal Kanak-kanak, Fakulti Pembangunan Manusia,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, MALAYSIA

albaree@fpm.upsi.edu.my<sup>1\*</sup>, zaharah@fpm.upsi.edu.my<sup>2</sup>, saedah@fpm.upsi.edu.my<sup>3</sup>,  
norhafizi.arof@fpm.upsi.edu.my<sup>4</sup>, hazhari@fpm.upsi.edu.my<sup>5</sup>

\*Corresponding Author

**Received:** 24 Januari 2022; **Accepted:** 23 September 2022; **Published:** 02 Oktober 2022

**To cite this article (APA):** Abdul, M. A., Osman, Z., Siraj, S., Mohd Arof, N., & Ismail, H. (2022). Pandangan Guru Tadika terhadap Aspek Kemahiran Sosial dalam Kalangan Kanak-kanak: Satu Analisis Keperluan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 11(2), 1-12. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol11.2.1.2022>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/jpak.vol11.2.1.2022>

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pandangan guru tadika terhadap aspek kemahiran sosial dalam kalangan kanak-kanak. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan yang melibatkan seramai 120 orang guru tadika di sekitar negeri Selangor. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah satu set borang soal selidik bagi menjawab objektif kajian berdasarkan dapatan kekerapan, peratusan, skor min dan sisihan piawai. Hasil kajian mendapati pandangan guru tadika terhadap kepentingan perkembangan kemahiran sosial untuk kanak-kanak menunjukkan bahawa purata keseluruhan item mencatatkan skor min 4.70 dan sisihan piawai 0.504. Ini memberi gambaran bahawa hampir keseluruhan 120 orang responden memilih sangat setuju dan menyokong tentang kepentingan perkembangan kemahiran sosial dalam kalangan kanak-kanak. Manakala, bagi hasil kajian berkenaan pandangan guru tadika terhadap tahap kemahiran sosial kanak-kanak dari aspek interaksi sosial, komunikasi, kerjasama dalam berpasukan, dan kemahiran mendengar pula menunjukkan bahawa keempat-empat aspek kemahiran sosial dilihat sangat membimbangkan dalam kalangan kanak-kanak iaitu aspek interaksi sosial berada pada tahap yang rendah ( $M= 2.23$ ,  $SP= 0.959$ ), manakala aspek yang lain seperti komunikasi ( $M= 2.65$ ,  $SP= 0.847$ ), bekerjasama dalam pasukan ( $M=3.57$ ,  $SP= 0.959$ ), dan kemahiran mendengar ( $M= 3.20$ ,  $SP=0.875$ ) berada pada tahap yang sederhana. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa aspek kemahiran sosial perlu diambil perhatian sewajarnya dalam membantu meningkatkan tahap kemahiran sosial kanak-kanak. Implikasi kajian ini ialah kemahiran sosial adalah penting dalam memberi impak yang cukup besar terhadap fungsi dalam kehidupan kanak-kanak terutama yang melibatkan diri, orang lain, dan persekitaran sosial.

**Kata kunci:** kemahiran sosial, kanak-kanak, pandangan guru tadika

### ABSTRACT

This study aims to identify the views of kindergarten teachers on aspects of social skills among children. This study uses a survey method involving a total of 120 kindergarten teachers around the state of Selangor. The research instrument used in this study is a set of questionnaires to answer the research objectives based on the findings of frequency, percentage, mean score and standard deviation. The findings showed that kindergarten teachers' views on the importance of developing social skills for children show that the average overall item recorded a mean score of 4.70 and a standard deviation of 0.504. This gives an impression that almost all 120 respondents chose to strongly agree and support the importance of developing social skills among children.

Meanwhile, the results on kindergarten teachers' views on the level of children's social skills from the aspects of social interaction, communication, cooperation in teams, and listening skills, it also shows that all four aspects of social skills are seen as very worrying among children, which means the aspect of social interaction is at a low level ( $M= 2.23$ ,  $SP= 0.959$ ), while other aspects such as communication ( $M= 2.65$ ,  $SP= 0.847$ ), working in a team ( $M= 3.57$ ,  $SP= 0.959$ ), and listening skills ( $M= 3.20$ ,  $SP= 0.875$ ) is at a moderate level. To conclude, this study shows that the aspect of social skills needs to be given due attention in helping to improve the level of children's social skills. It is therefore, children's social skills have a significant effect on how their lives work, especially when it comes to their relationships with other people and their social environment.

**Keywords:** social skill, children, kindergarten teacher's view

## PENGENALAN

Kemahiran sosial merupakan kemahiran yang sangat diperlukan dalam kalangan kanak-kanak. Hal ini kerana, kemahiran ini secara asasnya dikaitkan dengan semua aspek kehidupan kanak-kanak dan memberi pengaruh besar terhadap keserasian mereka dengan persekitaran sosial. Menurut Maleki et al. (2018) dalam kajiannya yang bertajuk *Social skills in preschool children from their parents' points of view* menjelaskan bahawa kemahiran sosial dapat ditakrifkan sebagai satu set kemahiran yang kompleks yang mana sesuatu tingkah laku individu yang boleh diterima dan membolehkan individu tersebut berinteraksi secara berkesan dengan orang lain di samping mengelakkan tindak balas yang tidak boleh diterima secara sosial.

Pandangan Soto-Icaza, Aboitiz, dan Billeke (2015) pula menyatakan bahawa kemahiran sosial merujuk kepada keupayaan serta kebolehan yang luas seseorang individu terutama golongan kanak-kanak berinteraksi dan berkomunikasi dengan orang yang berada di persekitarannya. Hal ini membolehkan kanak-kanak belajar dan memahami cara dalam menyelesaikan situasi sosial dengan meramal dan memahami tingkah laku orang lain. Menurut Mohamad Albaree et al., (2019), kemahiran sosial dapat diperhatikan dalam beberapa elemen seperti persahabatan, kerjasama, bertindak balas terhadap sesuatu aktiviti, dan melakukan sesuatu perkara yang diperlukan oleh orang dewasa.

## Penyataan Masalah

Secara asasnya, kemahiran sosial sangat diperlukan oleh kanak-kanak. Hal ini kerana, terdapat banyak kajian literatur membincangkan kepentingan kemahiran sosial untuk kanak-kanak. Salah satunya adalah kajian Docksai (2010) yang menyatakan bahawa kemahiran sosial mempunyai kepentingan untuk kanak-kanak sekiranya kemahiran tersebut dibina dengan baik. Hal ini kerana, terdapat banyak kesan positif terutama bagi aspek interpersonal dan prestasi akademik kanak-kanak itu sendiri (Docksai, 2010). Bagi Zaharah Osman (2015) pula, penguasaan kemahiran sosial membolehkan kanak-kanak memahami dan menyedari emosi sama ada diri sendiri atau orang lain, membuat pengurusan dari aspek emosi dan tingkah laku dengan baik, berkomunikasi secara berkesan, membentuk perhubungan yang sihat dan positif, kerja berpasukan, serta dapat menyelesaikan konflik dengan sebaiknya. Ini ditambah lagi dengan kajian Nur Diyanah dan Syaza Hazwani (2021) menyatakan bahawa pembinaan kemahiran sosial turut membantu kanak-kanak dalam menjalankan persahabatan, bekerjasama dan tolong-menolong, mendengar dan mengikut arahan dengan baik, melibatkan diri dalam kerja berpasukan, serta mempunyai komunikasi yang positif.

Walaupun terdapat kepentingan kemahiran sosial untuk kanak-kanak, namun tidak dapat dinafikan terdapat juga banyak kajian lepas yang membincangkan kesan negatif sekiranya kemahiran sosial tidak diambil perhatian sepenuhnya. Salah satunya adalah isu yang berkaitan dengan masalah sosial yang dilihat sering mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat dan dilihat sangat membimbangkan di negara kita (Ahmad Firdaus et al., 2018; Zaharah Osman, 2015; Khalim Zainal & Wan Zulkifli Wan Hassan, 2009; Baharom & Mohamad Johdi, 2009). Hal ini dibuktikan dengan laporan statistik yang dikeluarkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (2019) menunjukkan bahawa terdapat peningkatan kes jenayah yang melibatkan golongan kanak-kanak di Malaysia berumur di bawah 18 tahun iaitu pada tahun 2015 sebanyak 4669 kes, tahun 2016 sebanyak 4886 kes dan tahun 2017 sebanyak 5443 kes (5146 lelaki dan 297 perempuan) yang melibatkan jenis-jenis kesalahan seperti bersabit dengan harta benda, bersabit dengan orang, Akta kesalahan kecil, dadah, lalu lintas, dan lari dari sekolah diluluskan. Masalah sosial ini tidak akan berlaku secara mendadak, akan tetapi ianya terbentuk berdasarkan proses kemahiran sosial yang dibina bermula diperingkat awal kanak-kanak. Permasalahan ini bukan sahaja memberi simbolik kepada keruncingan masalah sosial, malah ia turut memberi kesan yang mendalam kepada diri, keluarga, masyarakat, dan sesebuah negara (Absha Atiah & Mohd Isa Hamzah, 2019; Tengku Elmi Azlina et al., 2017; Zainudin & Norazmah, 2011).

Selain itu, isu yang melibatkan masalah mental dalam kalangan kanak-kanak juga adalah disebabkan aspek sosial yang dilihat semakin defisit dalam kalangan mereka (Segrin, 2000). Perkara ini berpandukan dengan statistik tinjauan kesihatan dan morbiditi Malaysia pada tahun 2019 diperlihatkan bahawa anggaran seramai 424,000 kanak-kanak menghadapi masalah kesihatan mental yang menggambarkan isu ini sebagai satu epidemik dalam negara kita (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020). Kesan daripada masalah mental yang dihadapi akan memberi pengaruh besar terutama dari aspek tingkah laku yang dikhuatiri akan memberi kesan yang negatif kepada diri dan persekitaran sosial mereka (Jaslinah, Mariani, & Mohd Nazri, 2020; Kementerian Kesihatan Malaysia, 2015).

Seterusnya, kajian-kajian lepas juga mendapati bahawa kelemahan terhadap pembinaan dan penguasaan kemahiran sosial dalam kalangan kanak-kanak adalah disebabkan kemahiran sosial itu sendiri kurang diambil perhatian yang sewajarnya dalam proses pembelajaran kanak-kanak. Kajian Nur Diyanah & Syaza Hazwani (2021); Baroroh (2015); Jaslinah (2014); Saayah Abu (2003) menyatakan bahawa corak pengajaran guru masih berbentuk konvensional yang tertumpu kepada penekanan aspek penguasaan 3M (Membaca, Mengira, dan Menulis) dalam kalangan kanak-kanak. Hal ini memberi gambaran bahawa, aspek penguasaan *EQ (Emotional Quatient)* dilihat semakin dipinggirkkan. Selain itu, Kajian Mohamad Albaree et al. (2022) pula menjelaskan bahawa kanak-kanak tidak dapat membina kemahiran sosial dengan baik adalah disebabkan tahap pengetahuan guru terhadap kemahiran sosial untuk kanak-kanak masih berada di tahap yang sederhana.

## **Objektif kajian**

Kajian ini dilaksanakan untuk mencapai dua objektif kajian yang telah ditetapkan seperti berikut;

- i. Mengenal pasti pandangan guru tadika terhadap kepentingan perkembangan kemahiran sosial untuk kanak-kanak.

- ii. Mengenal pasti pandangan guru tadika terhadap tahap kemahiran sosial kanak-kanak dari aspek interaksi sosial, komunikasi, kerjasama dalam berpasukan, dan kemahiran mendengar.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini adalah menggunakan kaedah tinjauan yang melibatkan seramai 120 orang guru tadika di sekitar negeri Selangor. Kaedah persampelan yang digunakan adalah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) jenis *homogeneous* yang merujuk kepada kumpulan sampel yang mempunyai kriteria-kriteria yang sama (Ashley Crossman, 2020). Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah satu set borang soal selidik yang telah diubahsuai daripada kajian-kajian lepas. Instrumen kajian ini telah mendapat kesahan daripada pakar bahasa dan kandungan untuk memastikan instrumen ini sesuai digunakan. Proses analisis data bagi kajian ini adalah menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 26.0. Penganalisaan data dibuat adalah berdasarkan kepada statistik deskriptif yang melihat kepada kekerapan, peratusan, skor min dan juga sisihan piawai. Menurut Uma Sekaran (2000), menyatakan bahawa statistik deskriptif dapat digunakan untuk menjelaskan sesuatu fenomena ataupun situasi yang sedang berlaku. Hasil dapatan kajian ini telah mencapai objektif kajian yang ditetapkan.

## DAPATAN KAJIAN

### Analisis dapatan demografi responden

Bagi analisis demografi responden dapat dibahagikan kepada empat item utama iaitu jantina, umur, kelayakan akademik, dan pengalaman bekerja. Seramai 120 orang responden kajian yang terdiri daripada guru-guru tadika yang berada di sekitar negeri Selangor telah terlibat dalam kajian ini. Berdasarkan Jadual 1, item bagi jantina menunjukkan bahawa 90% iaitu 108 orang responden dalam kajian ini adalah perempuan dan selebihnya adalah golongan lelaki yang mencatatkan 10% bersamaan dengan 12 orang. Hal ini memberi gambaran yang jelas bahawa kerjaya bagi seorang guru dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak lebih didominasikan oleh kaum perempuan berbanding lelaki.

Bagi analisis peringkat umur pula, dapatan kajian Jadual 1 menunjukkan bahawa majoriti responden kajian ini berumur 21 tahun hingga 25 tahun dengan mencatatkan peratusan sebanyak 46.7% iaitu bersamaan dengan 56 orang. Seterusnya, responden dalam lingkungan umur 26 tahun hingga 30 tahun merupakan responden kedua tertinggi dalam kajian ini dengan mencatatkan 24.2% bersamaan dengan 29 orang. Ini diikuti dengan lingkungan umur 41 tahun ke atas iaitu 11.7% (14 orang). Manakala, responden yang berumur antara 31 tahun hingga 35 tahun dan 36 tahun hingga 40 tahun masing-masing merekodkan sebanyak 8.3% (10 Orang) dan 9.2% (11 Orang).

Seterusnya, Jadual 1 turut memaparkan analisis dapatan bagi item kelayakan akademik. Analisis mendapati sebahagian besar responden kajian mempunyai tahap pendidikan diperingkat STPM/Diploma iaitu 46.7% atau 56 orang. Manakala, responden yang mempunyai kelayakan akademik diperingkat Ijazah Sarjana Muda merekodkan sebanyak 40.8% bersamaan dengan 49 orang daripada jumlah saiz sampel dan merupakan nilai kedua tertinggi dalam

kategori ini. Seterusnya, responden yang mempunyai kelayakan akademik bagi peringkat SPM mencatatkan 10.8% atau 13 orang. Terdapat juga responden yang mempunyai kelayakan akademik di peringkat Ijazah Sarjana iaitu seramai 2 orang bersamaan dengan 1.7% daripada jumlah saiz sampel dalam kajian ini.

Manakala, analisis bagi kategori pengalaman bekerja pula menunjukkan majoriti responden mempunyai pengalaman bekerja selama 5 tahun ke bawah iaitu seramai 49 orang atau 40.8% dan diikuti 31.7% bersamaan dengan 38 responden yang mempunyai pengalaman bekerja selama 6 hingga 10 tahun. Hal ini menunjukkan bahawa peluang pekerjaan dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak dilihat semakin meluas. Bagi responden yang mempunyai pengalaman bekerja 11 hingga 15 tahun adalah seramai 16 orang atau 13.3%. Seterusnya, analisis data menunjukkan kategori pengalaman bekerja bagi 16 hingga 20 tahun dan 21 tahun ke atas, masing-masing mencatatkan 6.7% (8 orang) dan 7.5% (9 Orang). Rumusan bagi analisis demografi responden dapat ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1.** Analisis Demografi Responden

Item	Kekerapan	Peratus (%)
<b>Jantina</b>		
Lelaki	12	10.0
Perempuan	108	90.0
<b>Umur</b>		
21 tahun – 25 tahun	56	46.7
26 tahun – 30 tahun	29	24.2
31 tahun – 35 tahun	10	8.3
36 tahun – 40 tahun	11	9.2
41 tahun ke atas	14	11.7
<b>Kelayakan Akademik</b>		
SPM	13	10.8
STPM/Diploma	56	46.7
Ijazah Sarjana Muda	49	40.8
Ijazah Sarjana	2	1.7
Ph.D	0	0.0
<b>Pengalaman Bekerja</b>		
5 tahun ke bawah	49	40.8
6 – 10 tahun	38	31.7
11 – 15 tahun	16	13.3
16 – 20 tahun	8	6.7
21 tahun ke atas	9	7.5

## **Pandangan guru tadika terhadap kepentingan perkembangan kemahiran sosial untuk kanak-kanak**

Bahagian ini menjelaskan analisis dapatan kajian bagi kepentingan perkembangan kemahiran sosial untuk kanak-kanak berdasarkan pandangan guru tadika. Analisis dapatan ini adalah berpandukan nilai kekerapan, peratusan, skor min, dan sisihan piawai untuk melihat keperluan terhadap kepentingan kemahiran sosial untuk kanak-kanak. Berdasarkan analisis dapatan kajian dalam Jadual 2, purata keseluruhan item B1 hingga B10 mencatatkan skor min 4.70 dan sisihan piawai 0.504. Hal ini memberi gambaran bahawa hampir keseluruhan 120 orang responden memilih sangat setuju dan menyokong tentang kepentingan perkembangan kemahiran sosial dalam kalangan kanak-kanak.

Berpandukan perincian item dalam Jadual 2 mendapati bahawa item B4 “*Kanak-kanak perlu dibimbang dengan langkah yang betul bagi meningkatkan kemahiran sosial mereka*” mempunyai skor min yang paling tinggi berbanding dengan item-item yang lain iaitu 4.84 dan sisihan piawai 0.410. Hal ini kerana, 85.8% atau 103 orang responden memilih sangat setuju dengan item ini. Bagi item yang mempunyai skor kedua tertinggi pula adalah item B10 “*Untuk meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak, saya memerlukan satu garis panduan dan rujukan yang lengkap*” ( $M=4.84$ ,  $SP=0.382$ ) dengan catatan 82.5% bersamaan dengan 99 orang responden sangat bersetuju dengan item ini. Ini diikuti dengan item B3 “*Kemahiran sosial merupakan aspek yang perlu ditekankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran*” dengan catatan nilai skor min 4.80 dan sisihan piawai 0.402 yang mana 80% iaitu 96 orang responden memilih sangat setuju, dan selebihnya 20% iaitu 24 orang memilih setuju bagi item ini. Bagi item yang mempunyai nilai skor min yang paling rendah adalah item B9 “*Perkembangan kemahiran sosial mampu mengatasi masalah tingkah laku negatif dalam kalangan kanak-kanak*” dengan catatan skor min 4.33 dan sisihan piawai 0.737. Hal ini kerana, analisis dapatan kajian dalam Jadual 2 mendapati bahawa 1.7% atau 2 orang responden menyatakan tidak setuju bagi item ini dan diikuti seramai 13 orang iaitu 10.8% menyatakan sederhana setuju bagi item B9. Justeru, rumusan analisis dalam bahagian ini dapat ditunjukkan dalam Jadual 2.

**Jadual 2.** Analisis dapatan Kepentingan perkembangan kemahiran sosial untuk kanak-kanak berdasarkan pandangan guru

No	Item	Skala Persetujuan										Skor Min	Sisihan Piawai (SP)		
		Sangat tidak setuju		Tidak setuju		Sederhana setuju		Setuju		Sangat setuju					
		(N)	(%)	(N)	(%)	(N)	(%)	(N)	(%)	(N)	(%)				
B1	Kemahiran sosial sangat penting untuk perkembangan kanak-kanak.	-	-	-	-	-	-	28	23.3	92	76.7	4.77	0.425		
B2	Kemahiran sosial kanak-kanak perlu diambil perhatian yang sewajarnya.	-	-	-	-	-	-	30	25.0	90	75.0	4.75	0.435		
B3	Kemahiran sosial merupakan aspek yang perlu ditekankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.	-	-	-	-	-	-	24	20.0	96	80.0	4.80	0.402		
B4	Kanak-kanak perlu dibimbing dengan langkah yang betul bagi meningkatkan kemahiran sosial mereka.	-	-	-	-	2	1.7	15	12.5	103	85.8	4.84	0.410		
B5	Untuk meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak, terdapat proses-proses tertentu.	-	-	-	-	2	1.7	30	25.0	88	73.3	4.72	0.488		
B6	Perkembangan kemahiran sosial mampu mempengaruhi penguasaan kemahiran-kemahiran asas yang lain.	-	-	1	0.8	5	4.2	30	25.0	84	70.0	4.64	0.605		
B7	Perkembangan kemahiran sosial mampu mempengaruhi pencapaian akademik kanak-kanak.	-	-	2	1.7	3	2.5	43	35.8	72	60.0	4.54	0.634		
B8	Perkembangan kemahiran sosial mampu membentuk keperibadian kanak-kanak ke arah yang lebih baik.	-	-	-	-	5	4.2	20	16.7	95	79.2	4.75	0.523		
B9	Perkembangan kemahiran sosial mampu mengatasi masalah tingkah laku negatif dalam kalangan kanak-kanak.	-	-	2	1.7	13	10.8	48	40.0	57	47.5	4.33	0.737		
B10	Untuk meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak, saya memerlukan satu garis panduan dan rujukan yang lengkap.	-	-	-	-	-	-	21	17.5	99	82.5	4.83	0.382		
Purata keseluruhan												<b>4.70</b>	<b>0.504</b>		

## **Tahap kemahiran sosial kanak-kanak dari aspek interaksi sosial, komunikasi, kerjasama dalam berpasukan, dan kemahiran mendengar berdasarkan pandangan guru**

Bahagian ini menjelaskan analisis dapatan kajian bagi tahap kemahiran sosial kanak-kanak dari aspek interaksi sosial, komunikasi, kerjasama dalam berpasukan, dan kemahiran mendengar berdasarkan pandangan guru. Oleh itu, dapatan kajian ini dibahagikan kepada tiga kumpulan untuk mengukur tahap kemahiran sosial kanak-kanak sama ada berada ditahap rendah, sederhana, mahupun tinggi berdasarkan skor min seperti Jadual 3.

**Jadual 3.** Jadual tafsiran min

Kumpulan	Julat	Tahap
1	1.00 – 2.33	Rendah
2	2.34 – 3.67	Sederhana
3	3.68 – 5.00	Tinggi

Sumber : Adaptasi daripada Wiersma (2000)

Jadual 4 merumuskan analisis dapatan kajian bagi tahap kemahiran sosial kanak-kanak dari aspek interaksi sosial, komunikasi, kerjasama dalam berpasukan, dan kemahiran mendengar berdasarkan pandangan guru. Penggunaan skala likert lima mata iaitu 1- Sangat rendah, 2- Rendah, 3- Agak tinggi, 4- Tinggi, dan 5- Sangat tinggi digunakan bagi melihat skor min dan sisihan piawai ( $SP$ ) berdasarkan persetujuan guru terhadap 20 item yang telah dibangunkan dan diklasifikasikan kepada empat aspek utama iaitu interaksi sosial, komunikasi, bekerjasama dalam pasukan, dan kemahiran mendengar.

Jadual 4 menunjukkan analisis dapatan kajian bagi pandangan guru terhadap tahap kemahiran sosial kanak-kanak dari aspek interaksi sosial, komunikasi, kerjasama dalam berpasukan, dan kemahiran mendengar. Berdasarkan Jadual 4, aspek interaksi sosial dalam kalangan kanak-kanak dilihat berada di tahap yang “rendah” dengan catatan skor min 2.23 dan sisihan piawai 0.912. Manakala, aspek yang lain seperti komunikasi ( $M= 2.65$ ,  $SP= 0.847$ ), bekerjasama dalam pasukan ( $M=3.57$ ,  $SP= 0.959$ ), dan kemahiran mendengar ( $M= 3.20$ ,  $SP=0.875$ ) berada ditahap yang “sederhana”. Hal ini menunjukkan bahawa, keempat-empat aspek kemahiran sosial dilihat sangat membimbangkan dalam kalangan kanak-kanak berdasarkan pandangan guru. Justeru, penekanan pembelajaran yang menumpukan keempat-empat aspek ini perlulah diambil perhatian yang sewajarnya bagi membantu kanak-kanak mengatasi permasalahan dari aspek kemahiran sosial tersebut.

**Jadual 4.** Analisis dapatan tahap kemahiran sosial kanak-kanak dari aspek interaksi sosial, komunikasi, kerjasama dalam berpasukan, dan kemahiran mendengar berdasarkan pandangan guru

No	Aspek	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Interaksi sosial	2.23	0.912	Rendah
2	Komunikasi	2.65	0.847	Sederhana
3	Berkerjasama dalam pasukan	3.57	0.959	Sederhana
4	Kemahiran Mendengar	3.20	0.875	Sederhana

## PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Berdasarkan hasil dapatan kajian yang diperolehi, guru berpandangan bahawa terdapat kepentingan perkembangan kemahiran sosial untuk kanak-kanak dengan catatan skor min 4.70 dan sisihan piawai 0.504. Hal ini menunjukkan rata-rata guru sedia maklum bahawa elemen kemahiran sosial sangat diperlukan dan penting untuk kanak-kanak. Dapatkan ini selari dengan kajian Nor Fatinah Jaafar et al. (2020) yang menyatakan bahawa kemahiran sosial dianggap penting dan diperlukan oleh kanak-kanak disebabkan kemahiran tersebut mampu mempengaruhi dan memberi kesan positif terhadap fungsi dalam kehidupan. Hujah ini diperkuatkan lagi oleh kajian Maleki et al. (2018) yang menjelaskan bahawa kemahiran sosial penting untuk kanak-kanak menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi sosial yang berbeza.

Seterusnya, hasil dapatan kajian juga mendapati guru berpandangan bahawa tahap kemahiran sosial kanak-kanak dari aspek interaksi sosial, komunikasi, kerjasama dalam berpasukan, dan kemahiran mendengar dilihat berada di tahap yang membimbangkan. Berdasarkan dapatan Jadual 4, aspek interaksi sosial dalam kalangan kanak-kanak dilihat berada di tahap yang “rendah” dengan catatan skor min 2.23 dan sisihan piawai 0.912. Hal ini menunjukkan bahawa, kanak-kanak masih tidak dapat menjalinkan hubungan sosial antara satu sama lain dengan orang dipersekutarnya. Menurut Soekanto (2012), pembangunan interaksi sosial merupakan kunci kepada semua kehidupan sosial. Hal ini kerana, sekiranya tidak wujudnya interaksi sosial, maka tidak akan berlakunya proses kehidupan sosial antara individu dengan persekitarannya (Soekanto, 2012). Dapatkan ini selaras dengan kajian Jaslinah et al., (2020) yang menyatakan bahawa sesuatu proses sosial yang berlaku adalah berpandukan dengan tindakan yang dilakukan oleh individu tertentu dengan persekitaran sosialnya. Ini menunjukkan bahawa, proses interaksi sosial hanya berlaku apabila dua atau lebih manusia sahaja yang menjalinkan hubungan sosial antara satu sama yang lain, dan proses ini tidak akan wujud sekiranya hanya seorang manusia sahaja (Klarin, 2015).

Seterusnya, dapatan Jadual 4 menunjukkan bahawa aspek kemahiran komunikasi berada di tahap yang sederhana dalam kalangan kanak-kanak ( $M= 2.65$ ,  $SP= 0.847$ ). Dapatkan ini selari dengan kajian Durkin & Conti-Ramsden (2007) menjelaskan bahawa masih terdapat bukti yang menunjukkan kanak-kanak membesar dengan mengalami masalah kemahiran komunikasi yang memberi kesan yang negatif terhadap perkembangan bahasa dan interaksi sosial mereka. Salah satu faktor masalah kemahiran komunikasi itu sendiri adalah disebabkan penglibatan kanak-kanak dalam perbualan masih berada di tahap yang lemah seperti mengeluarkan idea, pendapat, dan persoalan-persoalan (Zainiah et al, 2017). Ini kerana proses bagi sesuatu interaksi berlaku bukanlah sehalia, akan tetapi ianya berlaku secara timbal balik yang memerlukan kemahiran komunikasi digunakan secara optimum (Leaf et al., 2016).

Bagi dapatan aspek bekerjasama dalam pasukan pula, dapatan menunjukkan bahawa kanak-kanak masih berada di tahap yang sederhana bagi aspek tersebut dengan catatan skor min 3.57 dan sisihan piawai 0.959. Hal ini menunjukkan bahawa, keupayaan kanak-kanak dalam mewujudkan kerjasama antara individu lain bagi mencapai matlamat dan tujuan kumpulan masih membimbangkan. Kajian Kit Yee dan Syed Akbar (2017) menyatakan bahawa terdapat beberapa isu permasalahan yang timbul apabila aktiviti berkumpulan dilaksanakan. Antaranya adalah masalah perkongsian bahan, barang, atau peralatan permainan yang mencetuskan kesan negatif seperti pergaduhan, buli, melemparkan perkataan atau tuduhan yang tidak baik, dan mengganggu sesi pembelajaran di dalam kelas (Nur Diyanah & Syaza Hazwani, 2021; Kit Yee & Syed Akbar, 2017; Brogle et al, 2013). Kemahiran kerjasama dalam kumpulan memerlukan sikap saling bergantung antara satu sama yang lain bagi mencapai matlamat sesebuah kumpulan. Dapatan ini selaras dengan kajian Gallie et al, (2012); Baines et al, (2009); Blatchford et al, (2006) menyatakan bahawa kerjasama dalam kumpulan merujuk kepada gabungan sebilangan individu yang saling bergantung antara satu sama yang lain dari aspek pengetahuan, pengalaman, keupayaan, kemahiran, dan kepakaran. Tambahnya lagi, ahli kumpulan yang dibentuk hendaklah memerlukan tanggungjawab dan komitmen bagi melaksanakan sesuatu tugas untuk mencapai sesuatu tujuan-tujuan yang tertentu (Gallie et al., 2012; Baines et al., 2009; Blatchford et al., 2006).

Dapatan Jadual 4 juga memaparkan bahawa aspek kemahiran mendengar kanak-kanak berada di tahap yang sederhana ( $M= 3.20$ ,  $SP=0.875$ ). Hal ini menunjukkan bahawa kanak-kanak kurang memberi perhatian semasa proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Dapatan ini selaras dengan kajian Jaafar (2020) menjelaskan bahawa kemahiran mendengar kurang diambil perhatian yang sewajarnya. Kajian ini telah disokong berdasarkan dapatan Hamouda (2013) yang menyatakan bahawa kemahiran mendengar sering dipinggirkan sehingga memberi kesan yang cukup besar kepada persekitaran di sekolah. Menurut Mohamad Albaree et al (2022), kemahiran mendengar bukan sahaja dilakukan untuk mengurus komunikasi, tetapi pada masa yang sama ia mengembangkan pembelajaran, pemahaman dan kemahiran mental. Hal ini bermaksud kemahiran mendengar bukan sekadar proses mendengar bunyi dengan betul sahaja, akan tetapi kemahiran mendengar adalah keseluruhan aktiviti mental yang direalisasikan untuk memahami apa yang didengar iaitu membuat pilihan daripada apa yang didengar, mengaturnya, mengintegrasikan apa yang dinyatakan oleh penutur dengan pengetahuan latar belakang dan menstrukturkan mengikut kehendak pendengar.

## KESIMPULAN

Kemahiran sosial merupakan kemahiran yang sangat penting dalam kehidupan seseorang individu khususnya dalam kalangan kanak-kanak yang perlu diberi perhatian sewajarnya. Hal ini kerana, kemahiran ini sangat diperlukan oleh setiap kanak-kanak untuk membesar dengan lebih produktif. Tambahan pula, kemahiran ini sangat penting dalam memberi impak yang cukup besar terhadap fungsi dalam kehidupan kanak-kanak terutama yang melibatkan diri, orang lain, dan persekitaran sosial. Untuk melaksanakan tanggungjawab ini, setiap guru perlulah memainkan peranan penting dalam membina dan membantu meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak berpandukan kreativiti pengajaran dan pembelajaran agar permasalahan-permasalahan yang timbul terutama dari aspek kemahiran sosial dapat diatasi dengan sewajarnya. Seterusnya, dapat membantu kanak-kanak mencapai tahap kemahiran sosial yang memuaskan pada masa akan datang.

## RUJUKAN

- Absha Atiah, A. B. & Mohd. Isa Hamzah. (2019). Faktor keterlibatan remaja dengan masalah sosial. *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 11(1), 1-17.
- Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi, & Khairunnisa, A. S. (2018). Masalah sosial dalam kalangan pelajar dan peranan pensyarah pendidikan islam dalam pengajaran dan pembelajaran. *e-Bangi*, 13(5).
- Ashley Crossman (2020, February 09). *Understanding Purposive Sampling: An Overview of the Method and Its Applications*. Retrieved from <https://www.thoughtco.com/purposive-sampling-3026727>
- Baharom, M., & Mohamad Johdi, S. (2009). Pembangunan Modal Insan Sebagai Satu Pelaburan Penting Dalam Konteks Pembinaan Negara. *Prosiding "Seminar Pembangunan Modal Insan"*. 1-17.
- Baines, E., Rubie-Davies, C., & Blatchford, P. (2009). Improving pupil group work interaction and dialogue in primary classrooms: results from a year-long intervention study. *Cambridge Journal of Education*, 39(1), 95-117.
- Baroroh, N. (2015). Keterampilan sosial anak usia dini dan strategi pengembangannya. *Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 2.
- Blatchford, P., Baines, E., Rubie-Davies, C., Bassett, P., & Chowne, A. (2006). The effect of a new approach to group work on pupil-pupil and teacher-pupil interactions. *Journal of educational psychology*, 98(4), 750.
- Brogle, B., Jiron, A., dan Giacomini, J. (2013). *How to help your child learn to share*.
- Docksai, R. (2010, May). Teaching social skills: Success in school may be enhance by better social relationship. *The Futurist*, 12-13.
- Durkin, K., & Conti-Ramsden, G. (2007). Language, social behavior, and the quality of friendships in adolescents with and without a history of specific language impairment. *Child development*, 78(5), 1441-1457.
- Gallie, D., Zhou, Y., Felstead, A., & Green, F. (2012). Teamwork, Skill Development and Employee Welfare. *British Journal of Industrial Relations*, 6(9), 78 - 88.
- Hamouda, A. (2013). An investigation of listening comprehension problems encountered by Saudi students in the EL listening classroom. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 2 (2): 2226-6348.
- Jaafar, R. (2020). Strategi Pembelajaran Kemahiran Mendengar Dan Menulis Dalam Kalangan Pelajar Etnik Cina Dan India Ketika Belajar Bahasa Melayu (Learning Strategy in Listening and Writing Skills among Chinese and Indian Ethnic Student when Learning of Malay Language). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(1), 64-76.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2019). *Buku Tahunan Perangkaan: Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- Jaslinah, M., Mariani, M. N., & Mohd Nazri, A. R. (2020). Corak Interaksi Sosial Kanak-Kanak Dengan Rakan Sebaya Semasa Main Bebas Di Prasekolah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 8(4), 21-34.
- Jaslinah Makantal. (2014). Perkembangan kemahiran sosial kanak-kanak melalui bermain. *Jurnal Penyelidikan Kent*, 82-101.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020). *Kajian Morbidity kesihatan peringkat kebangsaan 2019. Institut kesihatan Awam*. Institute for Public Health, National Institutes of Health, Ministry of Health Malaysia, Kuala Lumpur.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2015). *Kajian Morbidity kesihatan peringkat kebangsaan 2015. Institut kesihatan Awam*. Institute for Public Health, National Institutes of Health, Ministry of Health Malaysia, Kuala Lumpur.
- Khalim zainal & wan zulkifli wan hassan. (2009). Pendekatan Islam dalam menangani masalah disiplin tegar dalam kalangan pelajar sekolah: Satu Kajian Kes. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(2), 1-14.
- Kit Yee, W., & Syed Akbar, S. H. (2017). Think-Group-Share meningkatkan kemahiran berkongsi dalam kalangan murid prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 6, 48 – 66.
- Klarin, M. (2015). Social interaction among children in play activities. *Early Childhood Education: International Research Report*. 109-127. Doi 10.18133/NYMEBPK.2015.01.
- Leaf, J. B., Taubman, M., Milne, C., Dale, S., Leaf, J., Townley-Cochran, D., ... & McEachin, J. (2016). Teaching social communication skills using a cool versus not cool procedure plus role-playing and a social skills taxonomy. *Education and Treatment of Children*, 39(1), 44-63.
- Maleki, M., Mitra Chehrzad, M., Reza Masouleh, S., & Kazemnezhad Leyli, E. (2018). Social skills in preschool children from their parents' points of view. *Journal of Holistic Nursing And Midwifery*, 28(4), 218-223.
- Mohamad Albaree, A., Hazhari, I., Iylia, M., & Zaharah, O. (2019). Perkembangan emosi kanak-kanak menggunakan kaedah pengajaran berdasarkan aktiviti muzik. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 8, 17-23.

- Mohamad Albaree, A., Zaharah, O., Saedah, S., & Hazhari, I. (2022). Tahap Pengetahuan Guru Tadika Terhadap Kemahiran Sosial Untuk Kanak-Kanak: Satu Analisis Keperluan. *6<sup>th</sup> International Conference on Business Studies and Education (ICBE)*, 1, 45-52.
- Nor Fatinah, Azizah Zain, & Zarina Eshak. (2020). Peranan ibu bapa dalam membantu perkembangan sosial kanak-kanak melalui aktiviti bermain semasa perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9, 52-60.
- Nur Diyanah Hasan, & Syaza Hazwani Zaini. (2021). Penerapan Kemahiran Sosial Terhadap Kanak-Kanak Melalui Aktiviti Main Peranan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 10(1), 25-40.
- Saayah Abu (2003). *Pelaksanaan belajar melalui bermain di tadika-tadika kawasan Melaka Tengah, Melaka*. Institut Pendidikan Guru Malaysia: Kampus Pendidikan Islam.
- Segrin, C. (2000). Social skills deficit associated with depression. *Clinical Psychology Review*. 20(3), 379-403.
- Soekanto, S. (2012). *Sosiologi Suatu Pengantar*. Jakarta: Rajawali Pers.
- Soto-Icaza, P., Aboitiz, F., & Billeke, P. (2015). Development of social skills in children: neural and behavioral evidence for the elaboration of cognitive models. *Frontiers in neuroscience*, 9, 333.
- Tengku Elmi Azlina, T. M., Nor'Adha Abdul Hamid, Azizah Mat Rashid, Norul Huda Bakar, Norashikin Azmi. (2017). Kesalahan Akhlak Dan Perkaitannya Dengan Faktor Kematangan, Kerohanian Dan Kesedaran Kendiri Individu. *Repository YARSI*, 69-80.
- Uma Sekaran. (2000). *Research methods for business: A skill building approach*. New York: Jon Wiley & Son Inc.
- Zaharah Osman. (2015). Kesan implementasi modul kompetensi sosioemosi terhadap kemahiran sosial kanak-kanak prasekolah. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 1(1), 75–82.
- Zainiah M. I, Jupri B., Nur fatin Z., & Mazlina C.M (2017). Tahap Perkembangan Bahasa dan Komunikasi Kanak-Kanak berusia 2+ Tahun. *Persidangan Antarabangsa Pedagogi Islam dalam Pendidikan 2017 (ICIPE2017) 29/09/17 – 01/10/17, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak*.
- Zainudin, S., & Norazmah, M. R. (2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling*, 1, 115-140.